

26 JUL 2001

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA BELARUS

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah mengirimi perutusan tahniah kepada Presiden Belarus Alexander G.Lukashenko sempena Hari Kemerdekaan republik itu.

"Bersempena dengan Hari Kemerdekaan Republik Belarus, beta dan Raja Permaisuri Agong mengucapkan setinggi-tinggi tahniah," Titah Seri Paduka dalam perutusan yang dikeluarkan oleh Wisma Putra.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Vladimir V Ermoshin berkata beliau amat gembira mendapati wujudnya hubungan erat antara kedua-dua negara dan berharap semoga kerjasama positif akan berterusan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar pula menghantar perutusan kepada Menteri Luar Belarus Mikhail M.Khvostov.

-- BERNAMA

RV RV FAZ